
KENYATAAN AKHBAR

RAYUAN BANTUAN KECEMASAN BENCANA GEMPA BUMI DI NEPAL

27 April 2015

Nepal sekali lagi digegarkan dengan gempa bumi bermagnitud 7.9 skala richter, terkuat sejak 80 tahun lalu, menggegarkan pergunungan Nepal pada Sabtu, 25 April 2015 lalu.

Pada hari berikutnya pula gempa susulan berlaku.

Lebih daripada 2500 kematian dijangkakan, dan jumlah kematian meningkat setiap minit. Sekurang-kurangnya 18 mati di pergunungan Everest dimana gempa bumi tersebut mengakibatkan runtuh salji.

Gempa tersebut berlaku pada tengah hari di 50km di barat laut Kathmandu. Gegaran turut dirasai di Lahore, Pakistan; Lhasa, Tibet dan Dhaka, Bangladesh. Beberapa gegaran susulan setinggi 6.7 magnitud menyusul selepas itu.

Kemusnahan yang besar berlaku akibat gempa ini dan beberapa bangunan, termasuk monumen warisan UNESCO musnah. Laporan mengatakan ratusan lagi orang terperangkap di bawah runtuh.

Sebanyak 4-5% penduduk Nepal adalah Islam, dan Muslim Care sendiri mempunyai hubungan dengan NGO Muslim di Nepal sebelum ini.

Muslim Care Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2004 dan berdaftar dgn ROS pada tahun 2006 yang bernombor pendaftaran 0747-06-SEL terpanggil untuk menyelami dan menghayati

kedukaan dan kecelakaan mangsa bencana alam ini.

Dengan ini Muslim Care Malaysia mengambil inisiatif untuk melancarkan kutipan bantuan kecemasan untuk bencana ini dan inshAllah akan menyampaikan bantuan kecemasan ini sendiri pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Kami berharap kepada individu-individu, korporat, syarikat dan juga Jabatan Kerajaan untuk memberi sumbangan bantuan kepada ribuan rakyat Nepal yang kehilangan tempat tinggal, harta benda dan juga ahli keluarga yang terkorban akibat bencana ini.

Sebarang pertanyaan dan makluman boleh hubungi:

Zakaria Abd Latif - 012-693-5938

Abdul Razak Mohamed - 011-1571-1581

Email: mymuslimcare@gmail.com

Facebook: Muslim Care Malaysia Society

Web: <http://www.muslimcare.org.my/>

Sumbangan anda boleh disalurkan kepada:

Maybank Account:

564490413882 Muslim Care Malaysia

RHB Account:

26-2120-0000-4747 Muslim Care

Bank Muamalat Account:

14010007654717 Muslim Care Malaysia

Bank Islam:

14014010147470 Muslim Care Malaysia

atau sumbangan online ke <http://bit.ly/1sz4ASc>

Zakaria Abdul Latif

Setiausaha Agung,

Muslim Care Malaysia

“BANTUAN KEMANUSIAAN TANPA SEMPADAN”
“BORDERLESS HUMANITARIAN AID”